

Garis Panduan **PEMANTAUAN ARTIKEL JURNAL BERKUALITI**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Disediakan Oleh :





GARIS PANDUAN

PEMANTAUAN ARTIKEL JURNAL BERKUALITI

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

TELAH MENDAPAT KELULUSAN MESYUARAT SENAT BIL.6 2023/2024

Disediakan oleh:

Perpustakaan Tunku Tun Aminah
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
2024

GARIS PANDUAN
PEMANTAUAN ARTIKEL JURNAL BERKUALITI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 Tujuan

Dokumen ini bertujuan menyediakan Garis Panduan Pemantauan Penerbitan Artikel Jurnal Berkualiti, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

2.0 Tafsiran

- 2.1 “APC” merujuk kepada *article processing charge*;
- 2.2 “DOAJ” merujuk kepada *Directory of Open Access Journal*;
- 2.3 “JCR” merujuk kepada *Journal Citation Report (WoS)*;
- 2.4 “PTTA” merujuk kepada Perpustakaan Tunku Tun Aminah;
- 2.5 “Pustakawan” merujuk kepada staf PTTA;
- 2.6 “RMC” merujuk kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan;
- 2.7 “SCOPUS” merujuk kepada pangkalan data indeks yang diterbitkan oleh Elsevier; dan
- 2.8 “Universiti” ertinya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

3.0 Pendahuluan

- 3.1 Jurnal merupakan salah satu medium penerbitan ilmiah untuk para penyelidik berkongsi hasil dapatan penyelidikan mereka yang terkini. Ia digunakan oleh para penyelidik dalam pelbagai bidang di seluruh dunia sebagai medium untuk berkongsi penemuan teori/proses/dapatan baharu atau lain-lain, dan ianya sering menjadi sumber rujukan utama kepada para penyelidik baharu. Ini kerana jurnal mengandungi artikel ilmiah dan saintifik dan ianya perlu melalui proses semakan “*peer review*” yang ketat oleh beberapa pakar bidang sebelum ianya diterbitkan.
- 3.2 Merujuk kepada laporan *International Association of Scientific, Technical and Medical Publishers (STM)*, pada tahun 2018, terdapat lebih 10,000 penerbit di seluruh dunia,

- dan bilangan ini dijangka semakin bertambah pada setiap tahun (Johnson *et al.*, 2018). Secara umumnya, kategori penerbit jurnal ilmiah boleh dibahagikan kepada 4 jenis; penerbit komersial, penerbit universiti, badan profesional dan perpustakaan.
- 3.3 Menurut laporan daripada STM Global Brief 2021 pula, pada tahun 2018 dianggarkan hampir 3 juta artikel diterbitkan setiap tahun, iaitu pada kadar 4% setahun. Walau bagaimanapun, data terkini menunjukkan kadar pertumbuhan ini telah meningkat kepada 5% hingga 6.5%.
- 3.4 Pada tahun 2019, keuntungan tahunan yang dijana hasil daripada aktiviti penerbitan jurnal STM berbahasa Inggeris adalah dianggarkan sebanyak 10 bilion USD, dan nilai ini hanya menunjukkan penurunan sedikit pada tahun 2020 kepada 9.51 bilion USD. Disebabkan hasil lumayan yang diperolehi menerusi aktiviti penerbitan ini, kemunculan Jurnal Pemangsa atau *Predatory Journals* yang sering mengambil kesempatan dengan mengenakan Caj Pemprosesan Artikel atau *Article Processing Charge* (APC) yang mahal sehingga belasan ribu ringgit. Perkara ini perlulah diambil perhatian oleh pihak Universiti bagi memastikan pengaliran dana penyelidikan keluar negara dapat dikawal.
- 3.5 Statistik menunjukkan bahawa, jumlah Jurnal Pemangsa ini didapati semakin meningkat saban tahun. Pada tahun 2010, dianggarkan terdapat lebih 1,800 Jurnal Pemangsa, bilangan ini meningkat kepada 8,000 pada tahun 2015 dan terus meningkat kepada 13,000 Jurnal Pemangsa pada tahun 2020. Pada tahun 2021, terdapat lebih 15,000 jurnal telah dimasukan ke dalam *Cabells Predatory Reports* (Sureda-Negre *et al.*, 2022).
- 3.6 Dalam satu kajian berkenaan kecenderungan untuk menerbitkan artikel di dalam jurnal yang disyaki pemangsa sepanjang tahun 2015-2017, Malaysia didapati berada pada kedudukan kelima dari 172 negara yang terlibat, dimana setiap artikel kesepuluh akan diterbitkan dalam jurnal pemangsa (Macháček & Srholec, 2022).
- 3.7 Sehubungan itu, satu garis panduan yang menyeluruh perlu disediakan bagi menghalang penyelidik di UTHM dari menghantar artikel mereka ke Jurnal Pemangsa

yang akan mengakibatkan penggunaan dana penyelidikan ke tempat yang tidak sepatutnya.

4.0 Definisi Jurnal Pemangsa

- 4.1 Definisi Jurnal Pemangsa (*predatory journals*) dan Penerbit Pemangsa (*predatory publishers*) yang dipersetujui secara bersama adalah merujuk kepada entiti yang mengutamakan kepentingan peribadi berbanding keilmuan dan kesarjanaan. Jurnal dan Penerbit Pemangsa melengkapi kriteria maklumat meragukan, menyimpang daripada amalan penerbitan berkualiti, tiada ketelusan dalam keamalan penerbitan yang penyimpangan dari amalan editorial dan penerbitan terbaik, kurangnya ketelusan dalam amalan penerbitan serta menggunakan pendekatan agresif dan bersifat diskriminasi (Grudniewicz *et al.*, 2019).

5.0 Implikasi Jurnal Pemangsa

- 5.1 Integriti dan kredibiliti penyelidikan yang dihasilkan akan dipersoalkan.
- 5.2 Menjadi ancaman kepada integriti dan kualiti penerbitan ilmiah.
- 5.3 Menjatuhkan reputasi penyelidik dan institusi penyelidik.
- 5.4 Kos bagi yuran penerbitan ilmiah akan meningkat.

6.0 Objektif Garis Panduan

- 6.1 Menyediakan satu standard yang seragam berkenaan penerbitan artikel di dalam jurnal ilmiah.
- 6.2 Menjadi rujukan kepada penyelidik sebelum menghantar artikel kepada penerbit.
- 6.3 Memastikan pihak yang meluluskan pembayaran kos penerbitan artikel menyemak status Jurnal Pemangsa.

7.0 Peranan dan tanggungjawab

7.1 Penyelidik

Penyelidik yang hendak menerbitkan artikel ke dalam jurnal ilmiah perlu membuat semakan status jurnal ilmiah terlebih dahulu sama ada tersenarai dalam jurnal pemangsa atau tidak. Ini bagi mengurangkan kadar permohonan tuntutan bayaran yuran penerbitan jurnal yang tidak diluluskan/ditolak oleh pihak Pejabat Penerbit atau Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).

7.2 Pejabat Penerbit

Staf atau pegawai di Pejabat Penerbit yang meluluskan permohonan pembayaran yuran penerbitan artikel ilmiah menggunakan dana penyelidikan Universiti bertanggungjawab menyemak status jurnal terlebih dahulu sama ada tersenarai dalam kategori jurnal pemangsa atau tidak, sebelum kelulusan diberikan.

7.3 Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)

Staf atau pegawai di RMC yang meluluskan pembayaran penerbitan artikel ilmiah menggunakan geran penyelidikan bertanggungjawab menyemak status jurnal terlebih dahulu sama ada tersenarai dalam kategori jurnal pemangsa atau tidak, sebelum kelulusan diberikan.

7.4 Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA)


Staf PTTA yang meluluskan pembayaran insentif penerbitan bertanggungjawab menyemak status jurnal terlebih dahulu sama ada tersenarai dalam kategori jurnal pemangsa atau tidak, sebelum kelulusan diberikan. Perpustakaan juga bertanggungjawab membuat hebahan dan menyediakan maklumat kepada staf berkenaan senarai jurnal pemangsa terkini dari masa ke semasa.

8.0 Panduan Pemilihan Jurnal Berkualiti

- 8.1 Penyelidik perlu menyasarkan jurnal berkualiti untuk menerbitkan artikel penyelidikan mereka. Jurnal berkualiti mempunyai metrik penilaian impak berdasarkan sitasi seperti *impact factor*, *CiteScore* dan *Source Normalized Impact Per Paper (SNIP)*.
- 8.2 Semakan juga boleh dilaksanakan dengan menggunakan sumber penarafan jurnal dan pangkalan data indeks yang menetapkan piawaian kualiti jurnal ilmiah seperti SCOPUS, JCR, dan DOAJ.
- 8.3 Penyelidik juga perlu mematuhi pekeliling atau surat edaran dari Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti berkenaan penggunaan dana kerajaan bagi penerbitan artikel.
- 8.4 Penilaian kualiti jurnal boleh dilaksanakan dengan menggunakan senarai semak seperti di **Lampiran 1**.


9.0 Carta Alir Proses Kerja

9.1 Semakan Permohonan Pembayaran Penerbitan Artikel Menggunakan Tabung Penerbitan



9.2 Semakan Permohonan Pembayaran Penerbitan Artikel Menggunakan Geran

Penyelidikan



10.0 Rujukan

- Grudniewicz, A., Moher, D., Cobey, K. D., Bryson, G. L., Cukier, S., Allen, K., Ardern, C., Balcom, L., Barros, T., Berger, M., Ciro, J. B., Cugusi, L., Donaldson, M. R., Egger, M., Graham, I. D., Hodgkinson, M., Khan, K. M., Mabizela, M., Manca, A., ... Lalu, M. M. (2019). Predatory journals: no definition, no defence. *Nature*, 576(7786), 210–212. <https://doi.org/10.1038/d41586-019-03759-y>
- Johnson, R., Watkinson CIBER Research Michael Mabe, A., Jan Aalbersberg, Ij., Acreman, B., Anderson, R., Archambault, E., Bequet, G., Berkery, P., Blanchett, H., Boukacem-Zeghmouri, C., Burrell, S., Chiarelli, A., Christian, L., Clarke, B., Cox, L., Cullen, T., Dain, J., Van Dyck, C., Evans, M., ... Xu, J. (2018). *STM: International Association of Scientific, Technical and Medical Publishers Fifth Edition published*. www.ciber-research.eu.
- Macháček, V., & Srholec, M. (2022). Predatory publishing in Scopus: Evidence on cross-country differences. *Quantitative Science Studies*, 3(3), 859–887. https://doi.org/10.1162/qss_a_00213
- Mat, M., Yantee, A. A., Raoh, A., Hasdarinar, A., Jalal, A., Mohd, S., Syed, H., (n.d.). *Panduan pemilihan jurnal berkualiti*.
- STM Global Brief 2021-Economics & Market Size-An STM Report Supplement.* (n.d.). www.stm-assoc.org.
- Sureda-Negre, J., Calvo-Sastre, A., & Comas-Forgas, R. (2022). Predatory journals and publishers: Characteristics and impact of academic spam to researchers in educational sciences. *Learned Publishing*, 35(4), 441–447. <https://doi.org/10.1002/leap.1450>

Lampiran 2**Jadual 1: Senarai Semak bagi Penilaian Kualiti Jurnal**

BIL.	PERKARA	PENERANGAN
1.	Visibility	Semak judul jurnal di JCR, SCOPUS, MyCite, atau IEEE Index.
2.	Judul Jurnal dan ISSN Jurnal	Maklumat ISSN boleh disemak di https://portal.issn.org/ ?
3.	Butiran penerbit	Maklumat penerbit ada dilaman web termasuk alamat penerbit, email dan nombor telefon.
4.	Pakar Bidang dalam Sidang Editor Jurnal	Maklumat sidang editor yang memiliki kepakaran bidang.
5.	Jaminan untuk Menerima Artikel	Tempoh penerimaan artikel tidak terlalu singkat (kurang dari 1 minggu). Tempoh maksimum penerimaan adalah 1 tahun.
6.	Sumber Pengindeksan	Adakah artikel jurnal diindeks melalui mana-mana pangkalan data?
7.	Penggunaan DOI Kekal	Adakah penerbit menggunakan <i>Digital Object Identifier</i> (DOI) kekal?
8.	Jenis Yuran dan Maklumat Bayaran pada Laman Web Jurnal	Maklumat berkenaan yuran dan bayaran yuran dinyatakan dengan jelas di dalam laman web jurnal.
9.	Urusan Bayaran dan Matawang	Jenis matawang dan jumlah pembayaran ada dinyatakan di dalam laman web jurnal.
10.	Pengecualian Yuran	Adakah penerbit menyatakan dengan jelas mengenai sebarang pengecualian yuran di dalam laman web jurnal?
11.	Garis Panduan kepada Pengarang	Adakah penerbit menyediakan maklumat mengenai garis panduan untuk rujukan pengarang?
12.	Polisi Pelesenan	Adakah penerbit mempunyai dasar pelesenan yang jelas bagi jurnal akses terbuka.
13.	Pengecualian kepada Polisi Pelesenan	Adakah penerbit membenarkan pengecualian kepada mana-mana elemen pelesenan bersesuaian dengan keperluan pengarang?
14.	Hak Cipta Penulisan	Adakah penerbit membenarkan anda menyimpan dan memiliki hak cipta penulisan anda?
15.	Format Penerbitan	Adakah pengarang dimaklumkan mengenai format artikel yang akan diterbitkan seperti HTML, XML, PDF?
16.	Badan kawalan kualiti penerbitan	Adakah penerbit menganggotai mana-mana inisiatif industri yang diiktiraf, <i>Committee on Publication Ethics</i> (COPE), <i>Open Access Scholarly Publisher's Association</i> (OASPA), <i>Journal Online</i> , <i>African Journal Online</i> atau disenaraikan dalam <i>Directory of Open Access Journals</i> (DOAJ)?